

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN
BELANJA MENGURUS (ABM) PERJAWATAN TAHUN 2019
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Tujuan garis panduan ini disediakan ialah untuk memberi panduan penyediaan cadangan permohonan perjawatan di bawah Anggaran Belanja Mengurus (Perjawatan) bagi tahun 2019.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan salah sebuah Kementerian yang diberi kebenaran oleh Agensi Pusat untuk memohon perjawatan melalui ABM (Perjawatan) pada setiap tahun. Semua Perjawatan yang dipohon adalah berdasarkan kepada persetujuan dan norma perjawatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

3. JPN diminta menyediakan cadangan keperluan perjawatan bagi sekolah/institusi di bawah kawalannya masing-masing mengikut aktiviti **berdasarkan unjuran keperluan dan keupayaan sebenar pada tahun hadapan**. Sebarang unjuran yang dibuat hendaklah berasaskan kepada data sebenar pada tahun semasa dan ditambah dengan data anggaran kemasukan pada tahun hadapan.

4. Kementerian telah memperkenalkan pengiraan perjawatan berasaskan sekolah pada tahun 2008 bermula dengan Aktiviti Rendah dan telah diteruskan kepada semua aktiviti pada tahun 2009. Pihak JPN yang menyediakan data dan maklumat asas bagi setiap sekolah/institusi adalah bertanggungjawab dan hendaklah memastikan bahawa data yang diberi adalah tepat sesuai dengan

keupayaan fizikal seperti bilangan bilik darjah, makmal dan bengkel yang akan dapat menampung bilangan murid yang diunjurkan. Maklumat ini adalah penting bagi membolehkan KPM memohon perjawatan yang tepat.

5. Semua data/maklumat yang disediakan dalam permohonan akan disemak dan diteliti oleh Kementerian sebelum dibentangkan kepada pengurusan tertinggi KPM sebelum dikemukakan kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan dan kelulusan.

DASAR KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

6. Kerajaan masih menguatkuasakan dasar kawalan saiz perkhidmatan awam dan penjimatan perbelanjaan negara yang telah digariskan melalui beberapa Pekeliling Perbendaharaan, Surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia seperti berikut :

(i) Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 26 Mac 2010;

Pewujudan jawatan baru dalam Perkhidmatan Awam dibekukan. Sebaliknya bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di sesebuah Kementerian atau Jabatan, kaedah tukar ganti (*trade-off*), pindah butiran, pemansuhan, penempatan semula (redeployment) hendaklah dilaksanakan.

(ii) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam (JKK-TPA) Bil.1/2015 bertarikh 5 Mac 2015

PERMOHONAN ABM (PERJAWATAN) DALAM TALIAN MELALUI SISTEM MAKLUMAT GURU (SMG) MODUL e-OPERASI

7. Pada peringkat permulaan, permohonan ABM(P) dalam talian atau aplikasi e-Operasi dibangunkan untuk menyediakan kemudahan permohonan ABM(P) secara *online* melibatkan sekolah-sekolah di bawah kawalan Jabatan Pendidikan Negeri. Semua data/maklumat yang dimasukkan (*key-in*) mempunyai hubung kait dan aliran maklumat yang jelas di antara satu sama lain.

8. Dengan adanya aplikasi ini, penyediaan permohonan ABM(P) boleh bermula di peringkat sekolah secara *online* dan seterusnya semakan dan perakuan permohonan boleh dibuat di peringkat PPD dan JPN. Pegawai Data JPN Negeri/PPD/Pengetua/Guru Besar/GPK(Pentadbiran) telah diberi akses kepada aplikasi ini. Aplikasi e-Operasi boleh dicapai melalui URL <http://eoperasi.moe.gov.my>

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS PERJAWATAN TAHUN 2019

9. Semasa menyediakan data/maklumat dalam cadangan ABM (Perjawatan) Tahun 2018, data/maklumat yang disahkan pada **31 Januari 2018** oleh pihak pentadbir sekolah/institusi berdasarkan bilangan kelas dan murid sebenar berdasarkan maklumat Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) mengikut sekolah, PPD dan Negeri seperti berikut :

9.1 Sekolah Rendah Harian/Bestari

9.1.1 Kelas dan Murid Pra Sekolah

9.1.2 Kelas dan Murid Tahun 1 hingga Tahun 6

9.1.3 Kelas dan murid PPKI mengikut masalah

9.1.3.1 Pembelajaran

9.1.3.2 Penglihatan

9.1.3.3 Pendengaran

- 9.1.4 Kelas dan Murid Islam
 - 9.1.4.1 Pra Sekolah
 - 9.1.4.2 PPKI
 - 9.1.4.3 Tahun 1-Tahun 6
- 9.1.5 Kelas dan Murid Pendidikan Moral
- 9.1.6 Kelas dan Murid BCSK dan BTSK
- 9.1.7 Kelas dan Murid PAV

- 9.2 Sekolah Menengah Harian/Bestari/Model Khas**
 - 9.2.1 Kelas dan Murid Peralihan
 - 9.2.2 Kelas dan Murid Tingkatan 1 – Tingkatan 5 (aliran perdana)
 - 9.2.3 Kelas dan Murid Tingkatan 1 – Tingkatan 5 (aliran Agama)
 - 9.2.4 Kelas dan Murid Tingkatan 6
 - 9.2.4.1 Tingkatan 6 bawah Kemanusiaan
 - 9.2.4.2 Tingkatan 6 bawah Sains
 - 9.2.4.3 Tingkatan 6 atas Kemanusiaan
 - 9.2.4.4 Tingkatan 6 atas Sains

 - 9.2.5 Kelas dan Murid Amali Tingkatan 6
 - 9.2.5.1 *Chemistry*
 - 9.2.5.2 *Physics*
 - 9.2.5.3 *Biology*
 - 9.2.5.4 Seni Visual
 - 9.2.5.5 *Information and Communications Technology*

 - 9.2.6 Kelas dan Murid PPKI
 - 9.2.6.1 Pembelajaran
 - 9.2.6.2 Penglihatan
 - 9.2.6.3 Pendengaran

 - 9.2.7 Kelas dan Murid Mata Pelajaran Teknik
 - 9.2.7.1 Sains Pertanian,
 - 9.2.7.2 Lukisan Kejuruteraan,
 - 9.2.7.3 Teknologi Kejuruteraan,
 - 9.2.7.4 Perdagangan dan
 - 9.2.7.5 Prinsip Akaun

 - 9.2.8 Kelas dan Murid Mata Pelajaran Vokasioal (MPV)
 - 9.2.9 Kelas dan Murid Pendidikan Asas Vokasional (PAV)

- 9.2.10 Kelas dan Murid Rekacipta
- 9.2.11 Kelas dan murid ICT
- 9.2.12 Kelas dan Murid Bahasa Antarabangsa

9.3 Asrama-asrama

9.3.1 Penghuni Asrama

Semua data/maklumat hendaklah menggunakan format-format dalam talian bagi memudahkan semakan dan perkiraan jawatan berdasarkan sekolah/institusi. Selain daripada itu maklumat asas sekolah diperlukan bagi tujuan pengesahan sekiranya timbul kekeliruan atau semakan yang akan dibuat secara rawak untuk tujuan pengesahan data/maklumat.

9.4 Pengiraan Perjawatan Berasaskan Sekolah bagi Aktiviti Pendidikan Rendah dan Menengah

Pemeriksaan ABM Tahun 2019 berasaskan sekolah bagi semua aktiviti akan diteruskan pada tahun ini bagi memastikan permohonan perjawatan yang optimum bagi setiap sekolah dan institusi. Sekiranya data yang diberikan adalah tepat maka bilangan perjawatan yang akan dipohon adalah lebih tepat dan stabil pada tahun hadapan. Oleh itu perhatian yang lebih haruslah ditumpukan khasnya kepada sekolah/institusi yang memerlukan tambahan perjawatan kerana ada cadangan pertambahan bilangan fizikal bilik darjah, makmal, bengkel dan perluasan MPT/Bahasa Antarabangsa. Jika sekiranya tiada perubahan bilangan perjawatan adalah tidak berubah pada tahun hadapan.

9.5 Norma Perjawatan Guru dan Staf Sokongan Di Sekolah :

Norma Perjawatan (**Pindaan sehingga tahun 2017**) akan digunakan sebagai asas bagi memohon perjawatan pada tahun 2019.

9.6 Pembukaan Kelas yang dikawal oleh Kementerian

Seperti yang telah diputuskan KPM, memantapkan pembukaan atau perluasan kelas-kelas berikut adalah di bawah kawalan bahagian tertentu. Oleh itu sebarang cadangan baru atau perluasan hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak berkenaan seperti berikut:

Bil	Mata Pelajaran	Bahagian Terlibat
i	Kelas Pra sekolah	BPSH
ii	Mata Pelajaran Teknikal(MPT)	BPTV
iii	Kelas Aliran Agama(KAA)	BPI
iv	Kelas Bahasa Antarabangsa	BPK
v	Kelas Tingkatan Enam	BPSH
vi	Kelas Pendidikan Khas	B.Pend. Khas

10. Bilangan sekolah/institusi baru (PIB) yang dijangka buka pada tahun 2019 dan sekolah/institusi yang telah diluluskan perjawatan tetapi tidak dapat dibuka/beroperasi dalam tahun 2018/2019.
11. Untuk memudahkan pelaksanaan dan penyelarasan semakan dan pemeriksaan data/maklumat pengisian semua format yang terdapat dalam aplikasi e-Operasi perlulah dipatuhi. Semua format berkenaan boleh dicetak untuk simpanan rekod permohonan pihak sekolah/PPD dan JPN.

PERHATIAN KHAS

12. Pihak JPN diminta merancang dan menyelaras sebaik mungkin **pertambahan murid, pembukaan kelas baru dan sesi persekolahan** (satu sesi atau dua sesi) pada tahun 2019 terutama yang melibatkan pertambahan jawatan. Ini kerana pihak **Agensi Pusat tidak akan melayan sebarang permohonan pertambahan jawatan baru di sekolah/institusi di luar ABM Perjawatan Tahunan.**

PENUTUP

Tarikh akhir bagi melengkap dan menghantar permohonan ABM Perjawatan Tahun 2019 secara dalam talian aplikasi e-Operasi kepada Bahagian ini adalah sebelum atau **pada pukul 12.00 tengah malam 28 Mac 2018**. Aplikasi ini akan ditutup pada tarikh/waktu tersebut bagi membolehkan pihak BPSM membuat semakan dan penyelarasan ke atas semua permohonan. Sebarang permohonan/pindaan selepas tarikh/waktu tersebut tidak akan dipertimbangkan.

***Cawangan Perjawatan Dan Naziran
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia***